

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 34

### Inflasi dijangka menyederhana keada 3.0 peratus tahun ini

#### Inflasi dijangka menyederhana kepada 3.0 peratus tahun ini

**PETALING JAYA:** AmBank Economic Research mengekalkan unjuran inflasi utama akan menyederhana pada 3.0 peratus tahun ini, sebahagiannya disokong oleh pengukuran ringgit sebanyak 9.7 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) setelah mencapai tahap terendah pada RM4.75 November lalu.

Harga komoditi yang lebih rendah juga membantu membebung tekanan harga, menu rut firma penyelidikan itu.

Menurut nota penyelidikan-nya, AmBank Economic Research berkata, inflasi teras pula

dijangka menurun seiring dengan kadar penggunaan swasta yang dijangka lebih perlaha dalam tempoh yang sama.

"Bagaimanapun, terdapat risiko inflasi teras beralih kepada peningkatan memandangkan penggunaan swasta kekal kukuh berdasarkan jualan perdagangan pengedaran yang lebih tinggi pada separuh kedua 2022.

"Tambahah pula, pasaran buruh di Malaysia agak 'semepit' pada pandangan kami, berdasarkan potensi pertumbuhan guna tenaga. Pertumbuhan guna tenaga sangat berkait rapat dengan inflasi teras.

"Secara kebetulan, jumlah kekosongan jawatan di Malaysia masih dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi daripada tahap pra-pandemik. Ini bermakna pasaran buruh di Malaysia mempunyai lebih banyak ruang untuk penambahanbaikan dan boleh mengekalkan inflasi yang didorong oleh permintaan di Malaysia," katanya.

Sementara itu, AmBank Economic Research berkata, pandangan mereka boleh berubah jika berlaku beberapa perkara termasuk pelaksanaan cukai bersasar yang boleh menghantui harga kawalan RON95 dan

diesel, banjir atau bencana alam yang boleh mengganggu logistik dan harga makanan serta kejatuhan ringgit yang tidak dijangka.

Katanya, angka terkini menunjukkan inflasi utama Malaysia sedikit susut daripada 4.0 peratus pada November 2022 kepada 3.8 peratus pada Disember 2022.

Menurutnya, ia menunjukkan kadar inflasi bagi keseluruhan 2022 kepada 3.3 daripada 2.5 peratus tahun sebelumnya, sejajar dengan ramalan.

"Mengenai Kadar Dasar Semalam (OPR), firma penyelidikan tersebut mengekalkan unjuran kenaikan sebanyak 25

mata asas lagi, menjadikannya kepada 3.0 peratus.

Jelasnya, sebahagian besar peningkatan tersebut ditorong oleh keperluan untuk menambat inflasi teras.

"Adalah terlalu awal untuk membuat kesimpulan bahawa inflasi teras mungkin telah memuncak pada November 2022 berdasarkan inflasi teras yang perlahan ketika ini.

"Walau bagaimanapun, situasi permintaan domestik pada separuh pertama 2023 berkesan mungkin mempengaruhi penilaian kami terhadap OPR," ujarnya.